



Lampiran A

SURAT AKUAN AHLI PANEL PENILAI MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA BAGI PROSES PENGIKTIRAFAN PROGRAM PERUBATAN LUAR NEGARA

Nama Program:

Nama Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT):

Saya, No.Kad Pengenalan adalah dengan
sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

1. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tanggungjawab saya sebagai Ahli Panel Penilai Majlis Perubatan Malaysia Bagi Proses Pengiktirafan Program Perubatan Luar Negara (Ahli Panel Penilai MPM);
2. Saya tidak akan bersubahat atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak dalam melaksanakan tanggungjawab saya sebagai Ahli Panel Penilai MPM;
3. Sekiranya terdapat sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) Akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya;
4. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya mematuhi perkara 1, 2 dan 3 dalam Surat Akuan ini boleh menyebabkan saya didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing;
5. Saya akan mengisytiharkan apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak secara bertulis dan akan menarik diri daripada membuat sebarang keputusan;
6. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat atau dokumen berkaitan PPT yang diperoleh semasa menjalankan tugas sebagai Ahli Panel Penilai MPM kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan mana-mana polisi atau arahan pentadbiran Majlis Perubatan Malaysia yang berkuat kuasa;
7. Saya sesungguhnya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah rahsia rasmi, tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia rasmi atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau kerahsiaan sesuatu rahsia rasmi menjadi sesuatu kesalahan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan
8. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah yang berkaitan dengan perkara yang dinyatakan dalam Surat Akuan ini atau didapati melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, maka saya bersetuju dengan tindakan-tindakan berikut:
 - 8.1. perletakkan jawatan dengan memberikan notis bertulis kepada Majlis Perubatan Malaysia;

8.2. pembatalan pelantikan sebagai Ahli Panel Penilai; atau

8.3. lain-lain tindakan mengikut syarat-syarat pelantikan yang berkuat kuasa.

Disaksikan oleh** :

Tandatangan :

Nama :
No. KP :
Jawatan :
Tarikh :

Tandatangan :

Nama :
No. KP :
Jawatan :
Tarikh :

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3(a), takrif “kesalahan ditetapkan”) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **disaksikan oleh Pegawai MPM.